

GARIS PANDUAN SKIM BITARA PELAJAR PASCA SISWAZAH UPSI

1. PENGENALAN

Tujuan Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI diwujudkan adalah untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk pengurangan yuran pengajian kepada pelajar-pelajar tempatan yang cemerlang dalam akademik dan tidak menerima biasiswa/bantuan kewangan daripada mana-mana institusi bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana secara sepenuh masa di UPSI.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i) Calon pelajar adalah Warganegara Malaysia.
- ii) Cemerlang dalam Ijazah Sarjana Muda (PNGK 3.00 ke atas).
- iii) Memenuhi syarat khas program yang telah ditetapkan oleh Fakulti mengikut keperluan program masing-masing.

a) Sarjana Sastera (Sejarah)

- Tiada

b) Sarjana Reka Bentuk (Pembelajaran Berasaskan Gamifikasi)

- i. Pemohon pernah menghasilkan permainan digital; atau
- ii. Pemohon mempunyai pengalaman dalam amalan gamifikasi, sama ada sebagai pereka atau pembangun program gamifikasi, pengajar atau jurulatih dalam konteks pendidikan, latihan korporat atau industri kreatif.
- iii. Pemohon perlu melampirkan bukti penghasilan permainan digital atau bukti amalan gamifikasi semasa membuat permohonan.

c) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Ekonomi Rumah Tangga)

d) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Sains Pertanian)

e) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Teknologi Kejuruteraan)

- i) Tidak menerima biasiswa/bantuan kewangan daripada mana-mana institusi bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di UPSI.
- ii) Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.
- iii) Permohonan diperakui oleh Dekan Fakulti.
- iv) Tiada ikatan perjanjian dengan mana-mana pihak.

3. PENGAJIAN

3.1 Peringkat pengajian adalah Sarjana secara sepenuh masa sahaja dan mesti dijalankan di dalam UPSI.

3.2 Program pengajian adalah seperti berikut dan boleh ditambah daripada semasa ke semasa berdasarkan penawaran program akademik baharu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) dengan ketetapan yuran pengajian RM18,000.00 dan persetujuan Fakulti:

- a) Sarjana Sastera (Sejarah)
- b) Sarjana Reka Bentuk (Pembelajaran Berasaskan Permainan)
- c) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Ekonomi Rumah Tangga)
- d) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Sains Pertanian)
- e) Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional (Teknologi Kejuruteraan)

3.3 Mod pengajian hendaklah mod penyelidikan dan kerja kursus (Mod B) atau mod kerja kursus (Mod C).

3.4 Penerima bantuan kewangan tidak dibenarkan membuat pertukaran program pengajian.

3.5 Penerima bantuan kewangan adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang sedang berkuat kuasa.

4. TEMPOH UNTUK MENAMATKAN PENGAJIAN

Pelajar perlu menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*) mengikut ketetapan program masing-masing (sehingga pengesahan Senat Universiti). Kegagalan menamatkan pengajian dalam tempoh tersebut akan mengakibatkan tindakan tuntutan ganti rugi dimulakan.

5. KEMUDAHAN

5.1 Penerima skim akan menerima pengurangan yuran pengajian seperti jumlah berikut:

Kategori Calon Pelajar	Penunjuk Pendapatan Isi Rumah	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Tidak Bekerja atau bawah Pendapatan Garis Kemiskinan	Tiada pendapatan hingga RM2,208	RM18,000.00	Kadar Yuran Sedia Ada Arus Perdana - Sains & Teknikal: RM6,225 - Bukan Sains & Teknikal: RM5,735	Sains & Teknikal: RM11,775 Bukan Sains & Teknikal: RM12,265

Kategori Calon Pelajar	Penunjuk Pendapatan Isi Rumah	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Golongan B40	Melebihi RM2,208 hingga RM4,360		60% pengurangan yuran - Sains & Teknikal: RM7,200 - Bukan Sains & Teknikal: RM7,200	Sains & Teknikal: RM10,800 Bukan Sains & Teknikal: RM10,800
Golongan M40	Melebihi RM4,360 hingga RM9,619		40% pengurangan yuran - Sains & Teknikal: RM10,800 - Bukan Sains & Teknikal: RM10,800	Sains & Teknikal: RM7,200 Bukan Sains & Teknikal: RM7,200
Golongan T20	Melebihi RM9,619		Tiada pengurangan yuran	Tiada

6. LAPORAN KEMAJUAN SISWAZAH

Pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Pengajian Siswazah (LKPS) / slip keputusan peperiksaan pada setiap semester ke Unit Rekod, Institut Pengajian Siswazah melalui Fakulti. Pengurangan yuran pengajian boleh ditarik balik sekiranya status laporan kemajuan / keputusan peperiksaan gagal menunjukkan prestasi yang baik.

7. TEMPOH PENAJAAN

Tempoh bantuan kewangan adalah berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*) mengikut ketetapan program masing-masing.

8. GRADUATE SCHOLAR

Penerima skim akan dilantik menjadi *Graduate Scholar* di peringkat Fakulti yang akan membantu penyelia/pensyarah melaksanakan sesuatu kajian/penyelidikan atau dalam pengajaran seperti tutorial, demonstrasi dan kerja makmal/ studio/ bengkel di bawah pengawasan Fakulti.

9. KEPERLUAN PENERBITAN

9.1 Penerima skim perlu memenuhi keperluan penerbitan sebelum menamatkan pengajian seperti berikut:

Program dan Mod Pengajian	Keperluan Penerbitan
Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus (Mod B)	Satu (1) prosiding berindeks Scopus ATAU Satu (1) jurnal berindeks ERA
Sarjana Mod Kerja Kursus (Mod C)	Satu (1) prosiding berindeks Scopus ATAU Satu (1) jurnal berindeks MyCite/ berwasit

10. PERJANJIAN

Pelajar adalah dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian sebelum mengikuti pengajian. Sekiranya pelajar tidak menandatangani perjanjian dalam tempoh yang ditetapkan, maka tawaran bantuan kewangan ini akan ditarik balik.

11. PERINGATAN DAN PENALTI

11.1 Pelajar akan diberi peringatan oleh IPS sekiranya menerima status Tidak Memuaskan (TM) / Kurang Memuaskan (KM) buat kali pertama bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) atau gagal menunjukkan prestasi yang baik dari peperiksaan akhir.

11.2 Skim ini akan ditarik balik sekiranya status pengajian pelajar adalah seperti berikut:

- a) Pelajar menerima status Tidak Memuaskan (TM) dua (2) semester berturut-turut bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS); atau
- b) Pelajar gagal peperiksaan akhir; atau
- c) Pelajar gagal memenuhi keperluan penerbitan artikel jurnal; atau
- d) Pelajar Gagal bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*).

11.3 UPSI berhak untuk menamatkan pemberian Skim Pelajar Bitara UPSI ini tanpa notis kepada penerima skim ini.

12. RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN

Pelajar yang digantung atau digugurkan daripada skim ini boleh –

12.1 Mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian dengan syarat :

- (a) membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan sebelum semester baharu bermula; dan
- (b) membayar sendiri yuran pengajian bagi semester berikutnya;

atau

12.2 Menarik diri daripada pengajian dan membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan.

13. BAYARAN BALIK YURAN PENGAJIAN

13.1 Pelajar yang digantung atau digugurkan daripada menerima skim ini hendaklah membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan mengikut semester yang telah diikuti seperti jadual berikut:

a) Program Bukan Sains dan Teknikal

Kategori Yuran	Semester Pengajian	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Tidak bekerja atau bawah Pendapatan Garis Kemiskinan	Semester 1	RM6,340.00	RM2,218.30	RM4,121.70
	Semester 2	RM5,830.00	RM1,758.30	RM4,071.70
	Semester 3	RM5,830.00	RM1,758.40	RM4,071.60
	Jumlah	RM18,000.00	RM5,735.00	RM12,265.00
B40	Semester 1	RM6,340.00	RM2,720.00	RM3,620.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM7,200.00	RM10,800.00
M40	Semester 1	RM6,340.00	RM3,920.00	RM2,420.00

	Semester 2	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM10,800.00	RM7,200.00

b) Program Sains dan Teknikal

Kategori Yuran	Semester Pengajian	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Tidak bekerja atau bawah Pendapatan Garis Kemiskinan	Semester 1	RM6,340.00	RM2,381.60	RM3,958.40
	Semester 2	RM5,830.00	RM1,921.60	RM3,908.40
	Semester 3	RM5,830.00	RM1,921.80	RM3,908.20
	Jumlah	RM18,000.00	RM6,225.00	RM11,775.00
B40	Semester 1	RM6,340.00	RM2,720.00	RM3,620.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM7,200.00	RM10,800.00
M40	Semester 1	RM6,340.00	RM3,920.00	RM2,420.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM10,800.00	RM7,200.00

14. URUSAN PERMOHONAN

- 14.1 Calon pelajar yang ingin memohon Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI dikehendaki membuat permohonan kemasukan menerusi pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my>
- 14.2 Calon pelajar dikehendaki mengisi ruangan permohonan ke Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI seperti yang terdapat dalam permohonan atas talian dan melampirkan dokumen-dokumen sokongan serta pengesahan pendapatan isi rumah semasa permohonan dilakukan.

- 14.3 Sekiranya pelajar terpilih untuk ditawarkan Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI, makluman akan dibuat menerusi atas talian bersekali dengan keputusan permohonan kemasukan ke program pengajian siswazah di pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my>